

Selasa, 4 Februari 2014

1. Sektor PKS diminta lindungi data

KUALA LUMPUR 2 Feb. — Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia diminta melindungi keselamatan data mereka untuk menjaga kepentingan pengguna berikutan penguatkuasaan Akta Pelindungan Data Peribadi.

"Perniagaan perlu bertanya: "Sejauh mana saya sudah melindungi sistem syarikat?" kata Pengarah Sistem Kejuruteraan Symantec Corp, Nigel Tan kepada Bernama.

Syarikat yang banyak berurusan dengan data pelanggan, seperti dalam sektor peruncitan, perkhidmatan dan kewangan, wajar memberi perhatian utama terhadap tempat mereka menyimpan maklumat pelanggan dan jenis penyelesaian yang digunakan untuk mengurus data.

"Syarikat perlu memastikan kawalan yang sesuai. Ini termasuk meningkatkan kesedaran pekerja mengenai pentingnya keselamatan data," katanya.

Malaysia merupakan negara pertama di ASEAN menggubal Akta Data Perlindungan, yang dikuatkuasakan pada 15 November 2013.

Menerusi akta itu, syarikat yang dikategorikan sebagai 'pengguna data' mempunyai tempoh sehingga 15 Februari 2014, untuk berdaftar dengan Jabatan Perlindungan Data Peribadi.

Mengikut akta itu juga, syarikat dianggap sudah melakukan kesalahan jika didapati mendedahkan data peribadi kepada pihak ketiga tanpa persetujuan pemilik.

Penalti termasuk denda sehingga RM500,000 atau penjara sehingga tiga tahun.

"Banyak PKS di Malaysia mempunyai tanggapan salah bahawa mereka selamat daripada serangan siber, dan menganggap ia hanya berlaku ke atas perbadanan besar," kata Tan.

Perangkaan Symantec menunjukkan serangan siber dunia, termasuk pelanggaran data, mencuri data dan malware (perkakasan mencuri data), melonjak 42 peratus pada 2012 berbanding tahun sebelumnya.

Daripada jumlah itu, 31 peratus disasarkan kepada PKS dengan petugas kurang dari 250 orang, meningkat daripada 18 peratus pada 2011.

Tan berkata serangan ke atas PKS di Malaysia mengikuti rapat trend dunia.

"Penggodam memulakan serangan untuk mencuri data pengguna syarikat, hak harta intelektual, mengambil kesempatan ke atas kelemahan yang ada dalam sistem untuk melancarkan serangan berikutnya ke atas perbadanan lebih besar yang mempunyai hubungan perniagaan dengan firma lebih kecil, katanya. - BERNAMA



Selasa, 4 Februari 2014

2. Industri minyak sawit Negara dijangka meningkat

KUALA LUMPUR 2 Feb. - Minyak sawit Malaysia terus menikmati permintaan yang menggalakkan dalam pasaran tradisional, namun tahun ini pertumbuhannya dijangka perlakan, bergantung kepada kuasa beli negara-negara pengguna, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) serta peningkatan penduduk dan pasaran baharu.

"Permintaan mengambil kira faktor pertumbuhan penduduk, dan penggunaan berkait rapat dengan KDNK sesebuah negara.

"Jika KDNK meningkat, pertamanya mereka akan membelanjakan wang ke atas minyak dan lelemak," kata Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Dr S. Kalyana Sundram.

Beliau berkata, contoh yang baik ialah India dan China, dengan penggunaan minyak diikuti pertumbuhan KDNK.

"Penggunaan per kapita akan meningkat seiring peningkatan KDNK, apabila kuasa beli bertambah baik," katanya kepada Bernama di Cebu semasa lawatan Felda Global Ventures Holdings Bhd. ke Filipina.

MPOC itu bekerjasama dengan FGV dan Intisari Mulia International Inc, sebuah syarikat Filipina, bagi mewujudkan kesedaran serta mempromosi minyak sawit Malaysia dalam kalangan penduduk Filipina.

"Pada 2014, kami menjangkakan peningkatan berperingkat-peringkat. Pembeli tradisional kami tetap sama namun terdapat permintaan yang tinggi di Filipina dan Afrika.

"Semua ini akan meningkat beransur-ansur dan pasti, dan membantu kita untuk mengekalkan kedudukan Malaysia dalam pasaran minyak makan global," kata Sundram yang juga Pengarah Sains dan Alam Sekitar MPOC.

Beliau berkata, pemulihan ekonomi global akan memberi pengaruh positif ke atas penggunaan minyak sawit tahun ini.

Mengenai prospek untuk minyak sawit di Filipina, beliau berkata, bilangan penduduk seramai 97.704 juta, menawarkan potensi perniagaan yang besar pada masa hadapan.

"Filipina ialah pengeluar utama dan pengeksport minyak kelapa dan secara tradisinya, penduduk menggunakan minyak makan ini dalam masakan.

"Bagaimanapun, bekalan yang tidak mencukupi untuk menampung permintaan penduduk, menyebabkan negara itu mengimport kuantiti besar minyak makan, termasuk minyak sawit," katanya dan menambah Filipina mengimport lebih daripada 500,000 tan minyak sawit setiap tahun. - BERNAMA



Selasa, 7 Februari 2014

3. 3 juta Terima Rawatan di Wad

KUALA LUMPUR 6 Feb. — Tahap kesihatan rakyat Malaysia kini berada di tahap membimbangkan kerana direkodkan tiga juta pesakit dirawat di dalam wad hospital kerajaan dan swasta di negara ini tahun lepas.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya berkata, jumlah itu dilihat besar kerana ia melibatkan lebih daripada sepuluh peratus jumlah keseluruhan rakyat Malaysia iaitu 27 juta.

"Ia satu jumlah yang tinggi dan membimbangkan yang perlu diambil serius semua rakyat. Setiap individu perlu mengambil langkah awal menjaga kesihatan kerana kos mencegah lebih murah daripada kos mengubati," katanya.

Hilmi berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Orion Healthcare Management Services Sdn. Bhd. dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Orion Healthcare Management, Datuk Dr Ma'amor Osman; Ketua Pegawai Eksekutif Orion Healthcare Management, Kho Brandon dan Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah.

MoU itu ditandatangani oleh Kho dan Abdul Fattah disaksikan Hilmi dan Ma'amor.

Hilmi berkata, kesihatan yang baik bukan sahaja menyumbang kepada kemajuan pembangunan negara sebaliknya membantu kerajaan menjimatkan kos dalam aspek rawatan perbelanjaan.

"Kesihatan rakyat yang merosot telah meningkatkan kos untuk rawatan yang dikeluarkan kerajaan iaitu RM20 bilion pada tahun 2013 dan RM22 bilion pada tahun ini," katanya.

Mengulas mengenai MoU itu, Hilmi berkata, ia merupakan jalinan kerjasama antara Orion dan Angkasa dalam mewujudkan kesedaran pentingnya pemeriksaan kesihatan kepada semua anggota koperasi.

Ma'amor berkata, melalui kerjasama itu Orion Healthcare Management akan bertindak sebagai satu entiti untuk memberi penerangan dan rawatan pemeriksaan kesihatan kepada kira-kira lapan juta anggota koperasi.

Abdul Fattah pula berkata, kerjasama itu juga selain memberi peluang kepada anggota membuat pemeriksaan kesihatan, ia turut membolehkan koperasi meningkatkan pendapatan melalui program peningkatan kualiti produk, untuk mewujudkan usahawan koperasi yang berjaya. - BERNAMA



Jumaat, 7 Februari 2014

4. Penjagaan Kesihatan Malaysia Ketiga Terbaik

KUALA LUMPUR 10 Feb. - Malaysia merupakan negara ketiga terbaik dalam menyediakan penjagaan kesihatan serta paling berpatutan di dunia selepas Perancis dan Uruguay.

Menurut kajian laman web pelancongan antarabangsa, *International Living*, kedudukan tersebut memandangkan negara ini merupakan antara destinasi perubatan pelancongan yang terbaik dan termurah di dunia.

Wakil *International Living* di Asia, Keith Hockton berkata, kepakaran perubatan di Malaysia adalah setara atau lebih baik daripada kebanyakan negara Barat.

"Pada masa ini, warga asing tidak boleh menggunakan sistem penjagaan kesihatan awam di sini, namun kosnya adalah rendah dan memiliki kepelbagaiannya pilihan insurans, sekali gus bermakna penjagaan kesihatan di Malaysia tidak membebankan.

"Kos penjagaan kesihatan di negara ini begitu rendah sehingga anda boleh membayar daripada poket sendiri untuk banyak prosedur standard. Khidmat seorang doktor biasa di sini berharga AS\$16 (RM53.42) dan pemeriksaan pergigian AS\$9 (RM30)," katanya dalam laman web berkenaan baru-baru ini.

Tambahnya, majoriti doktor di negara ini dilatih di Amerika Syarikat (AS) atau United Kingdom (UK), sementara kakitangan perubatan adalah ramah dan profesional.

Jelas beliau, infrastruktur di negara ini adalah moden dan sama seperti di AS dengan kos preskripsi doktor jauh lebih murah daripada di negara Uncle Sam itu, selain ahli farmasi di Malaysia terdiri daripada mereka yang terlatih dan bermaklumat.

Premium tahunan untuk insurans kesihatan swasta di Malaysia kata beliau, bergantung pada usia, kesihatan serta keadaan seseorang dan pada masa sama, boleh dikurangkan mengikut kesesuaian.

Seseorang yang sihat misalnya dan berusia pertengahan 50-an, jelas Hockton, hanya perlu membayar antara AS\$400 (RM1,330) hingga AS\$1,000 (RM3,330) setahun, bergantung pada pelan yang dipilihnya.

"Insurans kesihatan antarabangsa juga boleh didapati di Malaysia dan meliputi ketika seseorang itu mengembara di seluruh Asia," katanya.



Selasa, 11 Februari 2014

5. Langkah Agresif Basmi Denggi di Kuala Lumpur, Putrajaya

KUALA LUMPUR 11 Feb. - Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan berusaha mengekang wabak demam denggi daripada merebak dengan melakukan Operasi Gempur Aedes secara agresif.

Ini ekoran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya mencatatkan jumlah kes denggi kedua tertinggi selepas Selangor pada tahun lalu.

Ketua Penolong Pengarah Kanan Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor Jabatan Kesihatan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Dr. Zainal Abidin Abu Bakar berkata, sejak 1 Januari hingga 8 Februari lalu sebanyak 1,217 kes direkodkan di Kuala Lumpur dan Putrajaya berbanding 154 kes pada tempoh yang sama tahun lalu.

Ujarnya, kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Pantai Ria, Pantai Dalam di sini dilaporkan menjadi antara kawasan paling 'panas' dengan 10 kes denggi.

"Ekoran itu kita mengadakan Ops Gempur Aedes di PPR Pantai Ria dengan kekuatan anggota penguat kuasa dan bantuan sukarelawan dari pelbagai pertubuhan bukan kerajaan.

"Seramai 110 anggota melakukan pemeriksaan dari rumah ke rumah bagi membasmikan pembiakan nyamuk aedes," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Ops Gempur Aedes di PPR Pantai Ria, Pantai Dalam di sini, hari ini.

Dalam operasi selama hampir tiga jam, anggota penguat kuasa melakukan pemeriksaan terutama di bahagian simpanan air, termasuk tangki pam tandas, bekas simpanan air dan saluran longkang.

Dr. Zainal Abidin memberitahu, pengawasan terhadap PPR Pantai Ria akan terus dilakukan sehingga ia benar-benar bebas daripada wabak denggi.



Rabu, 11 Februari 2014

6. Denggi di Selangor Serius

AMPANG 11 Feb. - Demam denggi di Selangor semakin membimbangkan apabila sebanyak 6,582 kes direkodkan sejak awal tahun ini.

Ketua Bahagian Kawalan Penyakit Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat (PKDHL), Dr. Mohd. Nasir Habib berkata, Petaling merupakan daerah yang mencatatkan kes denggi tertinggi dengan 2,943 kes.

"Sejumlah 32,652 kes daftar tahunan direkodkan sejak tahun 2004 hingga 2013 dengan peningkatan yang mendadak dari 2012 iaitu 2,242 kes kepada 6,371 kes pada tahun lalu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita dalam sidang akhbar berhubung Ops Gempur Aedes Siri 2/2014 di Auditorium Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Yang Dipertua MPAJ, Abdul Hamid Hussain dan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Kesihatan MPAJ, Dr. Sarordin Shahri.

Sementara itu, Mohd. Nasir menjelaskan, Pangaspuri Sri Nilam menjadi tumpuan operasi itu dijalankan kerana pada setiap tahun, kawasan itu menyumbang kepada kes denggi yang agak tinggi.

"Selain kawasan tersebut, Taman Nirwana juga merupakan satu lagi lokasi ancaman denggi dan setakat ini kami memberi tumpuan di kawasan Ampang, Kajang dan Semenyih.

"Antara halangan yang perlu ditempuhi pada operasi ini adalah untuk memeriksa keadaan di dalam rumah penduduk kerana ada antara penghuni yang tiada di rumah pada waktu pemeriksaan dijalankan," jelasnya.

Pangaspuri Seri Nilam yang mempunyai lebih daripada 5,000 penduduk serta 1,000 unit premis itu diperiksa oleh kira-kira 200 anggota penguat kuasa Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, wakil-wakil Pejabat Kesihatan Daerah di negeri itu dan MPAJ.

Mereka yang didapati menjadi punca pembiakan nyamuk aedes akan dikompaun sebanyak RM500 mengikut Akta Pemusnah Serangga Pembawa Penyakit 1975.

Rabu, 17 Februari 2014

7. 1.07 JUTA BELUM TUKAR MYKAD

BAGAN DATOH 16 Feb. - Sebanyak 1.07 juta orang rakyat negara ini yang mencapai usia 18 tahun masih belum memperbaharui MyKad mereka manakala 64,122 orang kanak-kanak yang mencapai usia 12 tahun gagal memohon kad pengenalan diri itu.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, kegagalan membuat MyKad akan menyukarkan kanak-kanak itu untuk menduduki peperiksaan selain menimbulkan banyak masalah sebaik permohonan lewat dibuat.

"Penukaran MyKad baharu pula perlu disebabkan perubahan rupa paras dan wajah pemohon. Penukaran ini wajib dilakukan berdasarkan Peraturan 25 Akta Pendaftaran Negara 1959 dan Peraturan-Peraturan Pendaftaran 1980 (Pindaan 2007).

"Mereka yang gagal boleh dipenjara sehingga tiga tahun dan denda RM20,000 atau kedua-duanya sekali," katanya selepas melancarkan Percetakan Teragih dan penyerahan MY12/MY18 di Jabatan Pendaftaran Bagan Datoh di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Mohamad Khalid Shariff dan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara, Datuk Jariah Mohd. Said.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid berkata, pada tahun lalu, sebanyak 681,356 orang telah kehilangan MyKad mereka dan jumlah itu semakin bertambah dari tahun sebelumnya.

Beliau menegaskan, sepatutnya orang ramai menjaga MyKad masing-masing seperti menjaga diri sendiri.

"Kehilangan itu terlalu tinggi dan sangat membimbangkan. Kalau hilang kerana bencana seperti kebakaran, kecurian, jenayah dan bencana kita boleh kecualikan namun banyaknya akibat kecuaian sendiri.

"Justeru, kita tidak boleh biarkan keadaan itu terus berlaku kerana ini bukan sahaja boleh menggugat keselamatan negara malahan menimbulkan keadaan yang tidak baik nanti," katanya.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid memberitahu, dengan adanya mesin pencetak teragih di Bagan Datoh, pemohon boleh mendapatkan MyKad masing-masing dalam tempoh dua jam berbanding 10 hari sebelum ini.

Tambahnya, selain Bagan Datoh, mesin tersebut hanya ada di tiga lokasi lain di negeri ini iaitu JPN Ipoh, Manjung dan UTC Ipoh.

Selasa, 18 Februari 2014

8. Operasi besar-besaran Kesan taska tidak berdaftar

PUTRAJAYA - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan menggerakkan operasi besar-besaran untuk mengesan taman asuhan kanak-kanak (taska) yang belum berdaftar di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, operasi pemutihan tersebut akan dijalankan secara mengejut bagi mengesan taska yang belum mendaftar seperti yang ditetapkan dalam Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984.

"Kita mengadakan operasi pemutihan ini bukan bertujuan untuk menghukum tetapi mengatasi kekangan dan mengetahui masalah kenapa masih terdapat taska yang tidak berdaftar.

"Kita bukan tidak mahu ambil tindakan tegas dengan terus menutup operasi tetapi kesan negatif akan dihadapi oleh ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka kerana perlu mencari taska lain," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas melawat tiga buah taska di sini hari ini.

Yang turut hadir, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Tan Sri Dr. Aseh Che Mat.

Menurut Rohani, sehingga kini terdapat sebanyak 3,172 taska berdaftar di seluruh negara dan jumlah tersebut masih tidak mencukupi dengan keadaan semasa.

Mengulas lanjut katanya, langkah mendaftar bukan sahaja memberi keselesaan dan keselamatan kepada kanak-kanak yang dihantar malah taska berdaftar juga layak menerima beberapa insentif daripada kerajaan antaranya subsidi yuran asuhan kanak-kanak dan yuran kursus asuhan Permata.

"Malah ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke taska berdaftar juga layak menerima insentif sebanyak RM180 sebulan untuk penjawat awam dan RM250 untuk pekerja swasta.

"Selain itu, bagi mengatasi masalah kekurangan taska, kerajaan juga menyediakan insentif sebanyak RM200,000 kepada mana-mana pengusaha yang layak untuk menyediakan pusat penjagaan itu," katanya.

Mengulas tentang lawatan mengejut itu, beliau berkata, dari tiga taska yang dikunjungi, sebuah daripadanya dikesan tidak berdaftar dan telah diberikan peringatan untuk mendaftar dalam tempoh duaminggu

Selasa, 18 Februari 2014

9. Lebih 12,000 permohonan pelajar asing ditolak sejak EMGS diwujudkan

KUALA LUMPUR 17 Feb. - Dianggarkan sebanyak 12,000 permohonan bagi kemasukan pelajar asing untuk melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) negara ini telah ditolak selepas Perkhidmatan Global Pendidikan Malaysia (EMGS) diwujudkan tahun lalu.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, permohonan itu terpaksa ditolak setelah EMGS mengesan cubaan untuk menyeleweng pas pelajar bagi memasuki negara ini.

"Sejak diwujudkan, kita dapat percubaan untuk memasuki negara ini melalui cara yang salah telah berkurangan dan setelah disaring, kita dapat kualiti pelajar yang memohon telah meningkat.

"Jadi pelajar hendak cuba-cuba menyeleweng pas pelajar, sudah tidak boleh cuba-cuba lagi," katanya ketika ditemui pemberita selepas melawat Pusat Sehenti Bersepadu EMGS di sini hari ini.

Idris berkata, EMGS yang sebelum ini berhadapan dengan beberapa masalah ekoran pelbagai aduan yang diterima daripada orang ramai telah ditambah baik dengan penempatan seramai 11 pegawai Jabatan Imigresen bagi melancarkan operasi menguruskan kemasukan pelajar asing.

Selain itu, EMGS juga melaksanakan aplikasi Student Application and Registration System (STARS) yang berintegrasi secara terus dengan Jabatan Imigresen bagi menjalankan proses penyaringan permohonan dan kelulusan pas pelajar antarabangsa.

Katanya, EMGS turut menggunakan sistem jejak maklumat lengkap mengenai setiap pelajar antarabangsa di IPTS yang berada di negara ini sekali gus mengatasi masalah penyalahgunaan pas pelajar seperti yang berlaku sebelum ini.

"Sekarang sudah ada sistem pemantauan lengkap iaitu kita boleh mengesan pelbagai aspek mengenai pelajar antarabangsa antaranya sama ada mereka masih berada di negara ini, pas sudah tamat tempoh atau belum dan pertukaran kursus," katanya.

Beliau berkata, EMGS dan IPTS perlu duduk semeja bagi membincangkan penambahan bagi mengatasi pelbagai masalah sebelum ini.

Dalam pada itu, Idris berkata, kementerian akan menggunakan penilaian daripada IPTS sendiri bagi memastikan prestasi EMGS terus ditambah baik.

Rabu, 19 Februari 2014

10. 3 agensi kerajaan biaya RM23.2bilion

KUALA LUMPUR 18 Feb. - Tiga buah agensi kerajaan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah mengeluarkan pembiayaan sebanyak RM23.2 bilion kepada 51,232 usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sejak 30 tahun lalu.

Pengeluar pembiayaan terbesar, Malaysia Industrial Development Finance Bhd. (MIDF) telah mengeluarkan sebanyak RM11.8 bilion kepada lebih 10,000 buah syarikat diikuti SME Bank Bhd. (RM8 bilion) kepada lebih 5,000 syarikat manakala SMECorp sebanyak RM3.4 bilion kepada lebih 36,000 PKS.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, jumlah pembiayaan daripada ketiga-tiga agensi itu amat besar bagi membantu PKS tempatan untuk berdaya saing.

Beliau berkata, ini membuktikan komitmen dan usaha kerajaan untuk mengembangkan perniagaan PKS di negara ini, sekali gus membantu menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2020.

Kita mahu melihat di mana usahawan-usahawan ini berada sekarang dan sejauh mana mereka sudah pun berjaya dalam perniagaan masing-masing setelah lebih 30 tahun mendapat pembiayaan daripada ketiga-tiga agensi tersebut,katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis perasmian Forum Keusahawanan Malaysia (Fokem) 2014 di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Pengurus SMECorp, Datuk Mohamed Al Amin Abdul Majid, Ketua Pegawai Eksekutif SMECorp, Datuk Hafsat Hashim, Pengarah Urusan Kumpulan MIDF Bhd., Datuk Mohd. Najib Abdullah dan Pengarah Urusan SME Bank, Datuk Mohd. Radzif Mohd. Yunus.

Fokem 2014 merupakan program pertama kali diadakan bagi menghimpunkan para usahawan dan PKS tempatan untuk meningkatkan pertumbuhan perniagaan mereka.

Lebih 1,000 usahawan dijangka hadir dengan lebih 30 tokoh usahawan terpilih dipanggil untuk berkongsi pengalaman.

Tambah Mustapa, Malaysia merupakan salah sebuah negara yang banyak membantu usahawan dengan pembabitan agresif agensi-agensi kerajaan.

Sepatutnya kita sudah berjaya melepassi sasaran dan lebih hebat daripada negara-negara maju yang lain terutamanya Korea Selatan.

Pada era 1960-an, Korea Selatan telah berkunjung ke Malaysia dan mahu mempelajari dari Malaysia kaedah untuk membangunkan negara. Pada waktu ini, negara itu sudah jauh ke hadapan berbanding Malaysia terutamanya dalam bidang teknologi kreatif, ujarnya.



Khamis, 20 Februari 2014

11. Kematian denggi meningkat 213%

PUTRAJAYA 19 Feb. - Sebanyak 25 kematian akibat denggi dicatatkan sehingga semalam di seluruh negara tahun ini berbanding hanya lapan kes dalam tempoh yang sama pada 2013.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri S. Subramaniam berkata, kes kematian akibat wabak denggi itu meningkat 213 peratus dengan Selangor mencatat jumlah tertinggi iaitu sembilan orang.

Kata beliau, jumlah kumulatif kes denggi yang dilaporkan di seluruh negara dalam tujuh minggu pertama tahun ini juga meningkat 302.2 peratus iaitu 13,915 kes berbanding hanya 3,460 kes bagi tempoh yang sama pada tahun lalu.

"Berikutan situasi denggi yang masih melaporkan kes dan kematian yang tinggi, kementerian akan meneruskan pemantauan rapi dan mengambil tindakan proaktif dalam mengawal keadaan wabak berkenaan di seluruh negara.

"Kementerian juga berharap masyarakat sentiasa menjaga kebersihan premis kediaman masing-masing bagi mengelakkan daripada menjadi sarang pembiakan nyamuk aedes," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Farida Mohd. Ali dan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah.

Menurut Subramaniam, kementerian juga telah mengenal pasti 10 kawasan panas di sekitar Lembah Klang yang menjadi lokasi pembiakan nyamuk aedes sehingga menyebabkan kes denggi meningkat di kawasan berkenaan.

"Bagi kawasan panas itu, kementerian akan melaksanakan semburan kabus secara kombinasi iaitu menggunakan racun serangga dan temephos bagi membunuh nyamuk dewasa dan larva secara serentak agar kawalan lebih berkesan.

"Kementerian sentiasa akan melakukan pemantauan rapi di kawasan wabak termasuk memastikan pegawai daripada setiap daerah dan negeri turun padang dan membuat pemantauan di lapangan," katanya.

Selain itu, katanya, pada awal bulan depan kementeriannya juga akan mengadakan kempen gotong-royong di 10 kawasan panas berkenaan dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan.

Sementara itu, katanya, masalah kesesakan di klinik kerajaan khususnya di Lembah Klang sudah berkurangan selepas operasinya dilanjutkan sehingga 10 malam ekoran peningkatan kes demam denggi.

"Masalah kekurangan katil di wad hospital kerajaan juga tidak timbul ekoran peningkatan kes wabak denggi kerana kementerian sudah bersedia untuk sebarang kemungkinan," katanya.

Dalam pada itu, Subramiam turut menasihati orang ramai agar mendapatkan rawatan di klinik dan hospital kerajaan sekiranya terdapat simptom demam denggi.

"Kini sebanyak 50 peratus pesakit yang mendapat rawatan di klinik dan hospital kerajaan akibat wabak denggi merupakan pesakit yang telah mendapatkan rawatan di hospital swasta terlebih dahulu.

"Doktor hospital swasta juga perlu menyarankan kepada pesakit untuk ke klinik atau hospital kerajaan jika mereka menghidap demam denggi, hospital swasta ada kekangan tertentu dan mereka juga ada ketikanya lambat untuk memperoleh keputusan ujian darah," katanya.



Khamis, 20 Februari 2014

12. RM30 juta ganti Klinik usang

KUALA LUMPUR 19 Feb.- Kerajaan merancang membina sebuah bangunan baharu bagi menggantikan bangunan Klinik Kesihatan Selayang Baru di sini yang uzur dan sempit.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Helmi Yahaya berkata, bangunan baharu yang dianggarkan bernilai RM30 juta itu bakal dibina di atas tanah seluas 4 hektar di Bukit Botak di sini.

"Bangunan Klinik Kesihatan Selayang Baru sudah berusia 20 tahun dan kita rasa perlu ada usaha untuk menaik taraf atau membina semula bangunan berkenaan memandangkan kawasan ini terlalu sempit hingga mewujudkan rasa tidak selesa kepada pesakit.

"Kita juga dapati ruang yang ada amat terhad, sehingga memaksa pihak pengurusan menempatkan dua orang doktor di dalam satu bilik untuk memberikan rawatan kepada pesakit," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke Klinik Kesihatan Selayang Baru, di sini hari ini.

Dianggarkan kira-kira 900 hingga 1,000 pesakit dari sekitar daerah Selayang dan Gombak mendapatkan rawatan di klinik berkenaan setiap hari.

Menurut Helmi, pihaknya akan memulakan perancangan dan meneliti segala aspek keperluan pembinaan klinik tersebut bermula April ini.

"Untuk sementara waktu, kita akan membaiki bangunan klinik sedia ada yang rosak akibat dimakan anai-anai, membina sebuah stor ubat-ubatan baharu dan menambah kelengkapan peralatan perubatan tertentu."

"Pihak kementerian akan bertindak secepat mungkin kerana kita mahu setiap pesakit yang datang mendapatkan rawatan di sini selesa dan berpuas hati dengan persekitaran dan layanan pihak klinik," katanya.

Dalam perkembangan lain, Helmi berkata, kementerian sedang dalam perbincangan untuk melancarkan kempen saringan kesihatan penyakit tidak berjangkit di seluruh negara dalam masa terdekat.

Kempen berkenaan akan melibatkan semua klinik kesihatan kerajaan, Klinik 1Malaysia dan hospital kerajaan di seluruh negara.

"Saya telah berbincang dengan tiga pihak dalam Kementerian Kesihatan iaitu pihak Kawalan Penyakit, Pendidikan Kesihatan dan MySihat untuk menjayakan kempen saringan ini."

"Melalui kempen ini mereka yang berumur 30 tahun ke atas boleh mendapatkan saringan kesihatan percuma untuk penyakit seperti diabetis, darah tinggi, penyakit jantung dan strok," katanya.



Ahad, 23 Februari 2014

13. Diabetes di Kelantan serius

KOTA BHARU 22 Feb. - Amalan pemakanan tidak seimbang yang diamalkan rakyat Kelantan menjadi penyebab kepada peningkatan sehingga 300,000 penghidap diabetes di negeri ini termasuk dalam kalangan kanak-kanak.

Pengarah Kesihatan Kelantan, Datuk Dr. Ahmad Razin Ahmad Mahir berkata, peningkatan jumlah tersebut berlaku berikutan amalan pemakanan rakyat di negeri yang gemar kepada makanan bergula.

Beliau berkata, statistik tersebut berada pada tahap yang membimbangkan memandangkan ia turut melibatkan golongan kanak-kanak.

"Statistik tersebut adalah jumlah yang kita kesan sehingga kini termasuk mereka yang berada dalam keadaan stabil dan sebaliknya.

"Keadaan ini juga turut membimbangkan kerana penyakit tersebut bukan sahaja membabitkan warga emas dan dewasa malah turut dikesan di kalangan kanak-kanak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Program Larian Sihat Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra 2014 di pekarangan Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII) Kota Bharu, di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Pengarah Perubatan Jabatan Kesihatan Kelantan, Dr. Che Wil Awang dan Pengarah HRPZ II, Datuk Dr. Ghazali Hasni Mohd. Hassan.

Dalam majlis tersebut, seramai 2,000 peserta yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Kesihatan Negeri serta orang awam telah menyertai larian serta kayuhan basikal sihat berkenaan.

Ahmad Razin berkata, rakyat di negeri itu juga disarankan supaya melakukan perubahan dari segi pengambilan makanan untuk mengelak daripada penyakit diabetes.

"Rakyat Kelantan sememangnya gemar makanan manis tapi kita menggalakkan supaya cara pemakanan tersebut dapat diubah secara beransur-ansur.

"Kurangkan gula dalam makanan sebagai satu amalan bagi menjamin kesihatan diri serta mengelak penyakit diabetes," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menasihati orang ramai supaya mengamalkan amalan sihat dengan cara sentiasa bersenam bagi melahirkan masyarakat yang sihat, cergas dan berkualiti.

"Berjalan kaki adalah satu cara senaman yang paling mudah serta menjimatkan. Saya berharap, program larian sebegini dapat dijadikan sebagai acara tahunan bagi memastikan kita menjadi seorang warganegara yang sihat serta produktif kepada negara," katanya.



Ahad, 23 Februari 2014

14. LKIM sedia import ikan stabilkan bekalan jika berlaku kenaikan harga

KUALA LANGAT 22 Feb. - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan mengimport ikan dari Thailand, Indonesia dan Filipina bagi menstabilkan bekalan makanan itu sekiranya berlaku kenaikan harga.

Pengerusi LKIM, Datuk Irmohizam Ibrahim berkata, langkah itu difikirkan oleh LKIM untuk dilaksanakan bagi memastikan mana-mana pihak tidak cuba menaikkan harga ikan sewenang-wenangnya pada masa depan.

"Harga ikan di pasaran tempatan ini dilihat berada dalam keadaan stabil. Namun, jika masalah harga ikan timbul pada masa depan, kita akan gunakan ikan sejuk beku dan ikan import untuk dipasarkan di seluruh negara supaya pihak yang menaikkan harga ikan ini sedar tentang akibatnya.

"Antara ikan sejuk beku yang akan diimport jika keadaan kenaikan itu berlaku adalah dari jenis kembung, selar, selayang, tilapia, cencaru, keli dan pelaling.

"Pada masa sama, LKIM juga akan terus memantau harga ikan di pasaran selain memastikan langkah seperti jihad perangi orang tengah dalam sektor perikanan serta pembekuan lesen eksport ikan ke luar negara memberi kesan positif kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Program 1M4U Outreach Centre-Kolej Matrikulasi di Kolej Matrikulasi Selangor, di sini hari ini.

Dalam perkembangan lain, Irmohizam yang juga Ahli Lembaga Pemegang Amanah dan Exco 1M4U ketika mengulas Program 1M4U Outreach Centre-Kolej Matrikulasi menyatakan, ia merupakan antara usaha pihaknya untuk memupuk semangat kesukarelawan dan pembentukan sahsiah diri di kalangan warga kolej matrikulasi di negara ini.

"1M4U memang berhasrat mendedahkan program sukarelawan di peringkat awal khususnya kepada para pelajar yang baru menamatkan sekolah menengah serta matrikulasi. Program ini merupakan satu landasan terbaik ke arah itu.

"Menerusi program ini juga, 1M4U akan menempatkan 'outreach centre' di 15 buah kolej matrikulasi di seluruh negara yang mana para pelajar juga akan dilibatkan dalam pelbagai aktiviti kesukarelawanan yang dijalankan.

"Sejak 2011, sebanyak 1,500 program kesukarelawan sudah dijalankan menerusi 1M4U dan lebih 200 'Outreach Centre' ditubuhkan di kebanyakan institusi pengajian tinggi yang mengambil bahagian. Kita jangka bilangannya akan terus meningkat dari semasa ke semasa," ujarnya.

Selasa, 25 Februari 2014

15. TPM: Tiada arahan tukar guru tentang PBS

HULU LANGAT 24 Feb. - Tan Sri Muhyiddin Yassin menegaskan beliau tidak pernah mengeluarkan arahan untuk mengambil tindakan atau menukar mana-mana guru yang menentang pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).

Timbalan Perdana Menteri berkata, pihaknya dan Kementerian Pendidikan juga tidak pernah menganiaya mana-mana guru malah golongan itu bebas bersuara dalam menyatakan pendapat masing-masing.

"Saya tak keluarkan apa-apa arahan untuk mengambil tindakan (menukar) terhadap guru yang menentang PBS. Kalau ada (ditukar) mungkin berlaku melibatkan peringkat pentadbiran daerah, (tetapi tidak pasti) sama ada tindakan itu dibuat atas fakta lain atau hanya sebab guru berkenaan menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap PBS.

"Saya sudah memperjelaskan pendirian saya dan kementerian. Kita tidak mahu menganiaya sesiapa, kita bersikap adil dan tidak mahu dilihat zalim," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri Program Mesra Rakyat di Kampung Bukit Dukong, Kajang dekat sini hari ini.

Beliau yang juga Menteri Pendidikan berkata demikian ketika ditanya sama ada keputusan menukar seorang guru, Mohd. Nor Izzat Mohd. Johari selaku Pengurus Penaja Suara Guru Masyarakat Malaysia (SGMM) akan ditarik balik selepas kerajaan menangguhkan sementara pelaksanaan PBS.

Semalam, Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr. Khair Mohamad Yusof mengumumkan guru tidak perlu meneruskan pelaksanaan PBS sehingga perkara itu diputuskan oleh kementerian dalam masa terdekat.

Muhyiddin berkata, walaupun guru bebas bersuara, tetapi perkara itu perlu mengikut prosedur bersesuaian berdasarkan pekeliling tertentu.

"Bagi saya, yang penting ialah kita dalam peringkat untuk menemukan cara baharu yang mampu memberi keadaan lebih baik kepada semua pihak jika dilaksanakan kelak."

"Ini (pelaksanaan PBS) akan kita umumkan apabila kementerian meneliti semua aspek," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, beliau ketika ditanya tindakan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mengumumkan pencatuan air bagi kawasan yang terjejas di negeri itu berkata, perkara tersebut sepatutnya dirujuk kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

"Ini (merujuk SPAN) tertakluk kepada undang-undang yang mana boleh diputuskan selepas SPAN berpuas hati jika situasi di peringkat kritikal. Ini mungkin dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet oleh menteri bertanggungjawab tetapi belum ada keputusan mencatu.

"Jadi, kalau dibentangkan nanti kata paras air menurun, ada cara-caranya. Kita tidak mahu menyusahkan rakyat kata esok kita nak catu, kerana ini mesti ada persiapan. Kalau nak catu, maknanya pengguna (orang ramai) perlu ada persiapan," katanya.

Beliau berkata, makluman mengenai pencatuan air juga perlu dinyatakan melalui notis awal.

"Tetapi saya tidak tahu jika Menteri Besar ada kuasa, tetapi setahu saya, itu diletakkan di bawah SPAN dan ini diputuskan dalam mesyuarat Kabinet," tambahnya.



Selasa, 25 Februari 2014

16. PBS tidak dimansuhkan - Idris

KUALA LUMPUR 24 Feb. - Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) tidak akan dimansuhkan walaupun pelaksanaannya mendapat bantahan daripada guru.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh sebaliknya berkata, satu bentuk baharu pelaksanaan sistem itu akan diputuskan pada 1 April depan yang dijamin tidak akan membebankan lagi golongan pendidik.

Sehubungan itu, jelas beliau, dalam tempoh tersebut, guru diminta memberi fokus pengajaran kepada murid tanpa terlalu bimbang berhubung perkara tersebut.

"PBS merupakan sistem terbaik setelah kajian mengenainya dibuat selama dua tahun dan mendapat pelbagai input daripada 55,000 orang yang menyatakan tidak mahu lagi kepada sistem berorientasi peperiksaan.

"Kerajaan sudah buat keputusan untuk meneruskannya dan sistem ini tidak akan dimansuhkan, cuma baru-baru ini hanya timbul masalah implementasi yang akan diperkemaskan dan ditambah baik melalui kajian yang sedang dilaksanakan ketika ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas majlis penerangan kejayaan hasil penyelidikan berasaskan penerbitan oleh lima Universiti Penyelidikan negara, di Universiti Malaya (UM) di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan I, Datuk Mary Yap Kain Ching dan Naib Canselor UM, Profesor Datuk Dr. Mohd. Amin Jalaludin.

Kementerian Pendidikan semalam membuat keputusan menangguhkan pelaksanaan PBS bagi menjalankan kajian menyeluruh mengenainya agar dapat mengurangkan beban tugas guru.

Kajian itu membabitkan rombakan terhadap perkara yang melibatkan kekerapan guru memasukkan data berkaitan bukti dan pencapaian murid termasuk pengisian borang rekod prestasi murid.

Dalam pada itu Idris berkata, kementerian sentiasa terbuka dan telus terhadap rungutan, komen, pandangan, kritikan daripada guru dan masyarakat.

Oleh itu, kata beliau, isu bantahan berhubung perkara itu tidak perlu diperbesarkan kerana pasukan yang ditugaskan di pihak kementerian telah berjumpa dengan guru untuk mendapatkan maklum balas.

Sementara itu, mengulas mengenai kejayaan penyelidikan Universiti Penyelidikan negara iaitu UM; Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Universiti Teknologi Malaysia (UTM); Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM), beliau berkata, trend penyelidikan berasaskan penerbitan sudah menunjukkan peningkatan mendadak sejak 2007.

Katanya, demi mencapai kecemerlangan lebih baik, kerajaan akan memberikan dana bersesuaian agar universiti berkenaan dapat melakukan kerjasama penyelidikan dengan universiti ternama di luar negara.

"Pada 2008, universiti tempatan mengatasi Thailand dan pada 2010 berjaya mengatasi Singapura dalam bidang penerbitan penyelidikan.

"Sebab itu saya kesal apabila ada pihak yang menyatakan bahawa universiti kita banyak membelanjakan duit tetapi tidak ada hasil sekali gus memberi gambaran salah kepada negara luar," katanya.



Selasa, 25 Februari 2014

17. Kerajaan luluskan RM4.11b laksana 471 projek luar bandar

PUTRAJAYA 24 Feb. - Kerajaan meluluskan peruntukan sebanyak RM4.11 billion kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi melaksanakan 471 projek pembangunan di seluruh negara sepanjang tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal berkata, sebahagian besar iaitu 437 projek merupakan projek sambungan dengan nilai RM4.01 billion manakala 34 lagi merupakan projek pembangunan baharu.

Menurutnya, program-program infrastruktur menguasai 56.7 peratus daripada keseluruhan peruntukan dengan sebanyak 127 projek bina baharu dan sambungan.

"Antara program dan agensi yang mendapat peruntukan bermula tahun ini adalah Program Ameniti Sosial (PAMS) sebanyak RM24.57 juta dan Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA) sebanyak RM9.19 juta.

"Saya berharap semua bahagian dan jabatan dapat memastikan projek yang telah diberi peruntukan dibuat dengan kadar segera bagi memastikan objektifnya dapat dicapai dan kumpulan sasar mendapat manfaat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mempergerusikan mesyuarat pelarasan antara Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan Exco-Exco Luar Bandar (MEXCLUB) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini hari ini.

Yang hadir sama, Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi dan Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ibrahim Muhamad.

Menurut Mohd. Shafie, ahli-ahli mesyuarat iaitu Exco-Exco Luar Bandar, agensi pusat dan pegawai Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (SDO) juga dipohon untuk memberi kerjasama kepada kementerian bagi memastikan segala projek di bawah Belanjawan 2014 dapat dilaksanakan dengan lancar.

"Kementerian juga telah menubuhkan Majlis Pembangunan Luar Bandar (MPLB) di setiap kawasan Parlimen dalam usaha mempercepatkan pembangunan kawasan berkenaan selain berperanan sebagai kumpulan pemantau.

"MPLB tersebut akan dipengerusikan oleh Ahli Parlimen untuk membolehkan mereka memantau perkembangan pelaksanaan projek dan memastikan perjalanan program di luar bandar termasuk pembangunan daripada kementerian dapat diselaraskan dengan baik," katanya.

Selain itu, katanya, kementerian juga akan memperbanyakkan program turun padang bagi memantau perjalanan setiap projek yang telah diluluskan di kawasan luar bandar bagi mengelak peruntukan kerajaan tidak sampai kepada golongan sasar.

Dalam pada itu, mengulas mengenai Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Mohd. Shafie berkata, kementerian mengadakan prapelancaran RTC Johor iaitu yang kelima di negara ini pada 24 Februari lalu.

"Kementerian juga akan mengadakan prapelancaran untuk RTC Kedah di hentian Rehat dan Rawat (R&R) Napoh, Jitra pada 18 Mac depan manakala kerja-kerja pengubahsuaian di RTC Terengganu telah mencapai 70 peratus dan dijangka akan dilancarkan pada April depan.

"Pengisian program di RTC berkenaan termasuklah perkhidmatan Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) Nasional dan banyak lagi, tidak ketinggalan usahawan yang turut menjalankan aktiviti perniagaan," katanya.

18. Caj rawatan warga asing

PUTRAJAYA 24 Feb. - Semua warga asing akan dikenakan caj rawatan mengikut kadar sebenar apabila mendapatkan perkhidmatan perubatan di klinik dan hospital kerajaan seluruh negara.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, langkah yang akan dilaksanakan dalam masa terdekat itu dapat menjimatkan perbelanjaan perubatan negara sehingga RM100 juta setahun.

"Buat masa ini, warga asing yang bekerja di sini menikmati subsidi kos antara 30 hingga 40 peratus berbanding kos rawatan sebenar," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan perhimpunan bulanan Kementerian tersebut di sini hari ini.

Menurut beliau, kementerian akan mengemukakan perkara itu kepada Kabinet untuk diluluskan.

Yang hadir sama, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahaya, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Farida Mohd. Ali, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah dan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Lokman Hakim Sulaiman.

Dalam majlis sama, Dr. Subramaniam turut melancarkan penggunaan logo baharu Kementerian Kesihatan.

Sementara itu katanya, tiada perubahan caj rawatan yang akan dikenakan kepada rakyat tempatan di klinik dan hospital kerajaan di seluruh negara.

"Mereka akan terus menikmati subsidi kos rawatan sehingga 98 peratus yang diberikan kerajaan selama ini," katanya.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata, kementerian menerima peruntukan sebanyak RM22 bilion melalui Bajet 2014 untuk perbelanjaan operasi dan pembangunan dalam sektor kesihatan.

Jelasnya, 10 peratus daripada jumlah tersebut digunakan untuk aktiviti promosi dan selebihnya urusan perbelanjaan dalam kegiatan utama sektor kesihatan.

"Pada masa sama, RM1.9 bilion daripada jumlah peruntukan itu akan digunakan untuk pembangunan infrastruktur.

"Kementerian juga sedang menyelesaikan masalah yang dihadapi beberapa hospital secara berperingkat kerana perkara itu tidak dapat dilakukan sekali gus," katanya.

Rabu, 26 Februari 2014

19. Pelaksanaan Ops Harga 2014 diperhebat - Hasan

PUTRAJAYA 25 Feb. - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan akan memperhebatkan pelaksanaan Ops Harga 2014 dengan mengadakan siri lawatan mengejut ke pasar-pasar utama di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Hasan Malek berkata, operasi yang akan dijalankan secara berterusan itu bertujuan membendung kenaikan harga barang yang melampau dan tidak munasabah sehingga membebankan pengguna.

Beliau berkata, kementerian komited dalam melindungi hak pengguna daripada dieksplotasi peniaga yang tidak bertanggungjawab.

Menurutnya, Ops Harga 2014 juga akan dijadikan platform untuk mendidik peniaga yang ingkar selain mencari punca kenaikan harga sesuatu barang.

"Melalui Ops harga 2014 yang berterusan ini, ia akan membolehkan kementerian mengambil tindakan susulan dalam kadar segera sekiranya terdapat kesalahan yang dilakukan oleh peniaga.

"Dengan kehadiran pegawai penguatkuasaan kementerian di pasar-pasar utama di seluruh negara, ia akan membolehkan pengguna merasakan hak mereka terjamin apabila pergerakan dan kerentak peniaga sentiasa di pantau," katanya dalam perhimpunan bulanan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan di sini hari ini.

Yang turut hadir sama, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Ahmad Bashah Md. Hanipah dan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Alias Ahmad.

Menurut Hasan, selain penguatkuasaan melalui Ops Harga 2014, kementerian itu juga akan mengadakan tinjauan keadaan pasaran dari semasa ke semasa.

"Kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pegawai bahagian penguatkuasaan kerana menjalankan kerja dengan penuh tanggungjawab, mereka sentiasa berdepan risiko termasuk diserang peniaga," katanya.

Selain itu katanya, kementerian serius dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang melanggar peraturan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan.

Ops Harga 2014 yang melibatkan 1,800 pegawai penguat kuasa dan 1,100 pegawai pemantau menumpukan pemeriksaan di tiga sasaran utama iaitu pasar basah, kedai runcit dan restoran.

Tiga perkara yang ditekankan adalah penandaan harga, pengeluaran notis Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan serta memeriksa alat timbang dan sukat.

Sehingga 13 Februari lalu, sebanyak 186,791 pemeriksaan telah dilakukan ke atas semua peringkat perniagaan di seluruh negara dan daripada jumlah itu, 1,826 kes telah diambil tindakan, termasuk 832 kes melibatkan kesalahan tidak meletakkan tanda harga manakala 22 kes meletakkan petunjuk harga mengelirukan.